

Panduan untuk Pesakit dan Keluarga

Penjagaan Luka Anda



Kenapa anda ada luka?

Luka ialah kecederaan atau rekahan pada kulit yang disebabkan oleh:



Pembedahan



Tekanan



Kecederaan

Apakah faktor-faktor yang boleh menjejaskan pemulihan luka anda?



- Keadaan penyakit kronik seperti kencing manis, penyakit jantung dan tekanan darah tinggi
- Merokok
- Kebersihan yang kurang baik
- Pemakanan yang kurang baik
- Jangkitan kuman atau jangkitan luka yang berpanjangan
- Kekurangan bekalan darah kepada lokasi luka
- Tekanan dan pergerakan yang berlebihan di kawasan luka

Bagaimana anda boleh menjaga luka?



Selalu kekalkan balutan luka supaya ia sentiasa bersih dan kering. Anda boleh gunakan beg plastik untuk melindungi balutan luka sebelum mandi.



Jangan tukar balutan luka anda kecuali diarahkan oleh doctor atau jururawat.



Jangan mengguna sebarang produk pada luka anda sebelum berbincang dengan doctor atau jururawat.



Simpan produk balutan anda di dalam beg yang boleh ditutup dengan ketat, pada suhu bilik dan jauh dari sinaran cahaya.



Untuk pesakit kencing manis, pastikan kawalan tahap glukosa yang baik pada setiap masa.



Sekiranya tiada kontraindikasi, angkatkan kaki anda dengan meletakkan bantal dibawah kaki apabila sedang berbaring untuk mengurangkan pembengkakan.



Berhenti merokok kerana kesan buruk dari merokok boleh melambatkan pemulihan pada luka.



Elak tekanan dan geseran di tempat luka.



Habiskan antibiotik anda yang diarahkan oleh doktor.



Anda mungkin mahu mengambil ubat penahan sakit yang dipreskripsikan sebelum rawatan luka temujanji untuk mengurangkan rasa sakit.

Apakah tanda-tanda dan gejala jangkitan luka yang perlu diperhatikan?

- Demam
- Rasa sakit yang keterlaluan dan secara tiba-tiba pada luka.
- Kawasan luka menjadi lebih bengkak, terasa hangat, kemerahan dan berbau busuk.
- Peningkatan jumlah lelehan cecair atau kehadiran nanah dari kawasan luka.

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera sekiranya anda mengalami gejala di atas.

